

Kerugian mangsa banjir ditaksir

Kerajaan pastikan dapat segera agih bantuan

MUAR: Kerajaan negeri dengan bantuan agensi berkaitan akan membuat tafsiran nilai kerosakan harta benda dan tanaman akibat banjir yang melanda negeri itu sejak kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pihaknya akan menyerahkan tafsiran kerugian itu kepada Jawatankuasa Bencana Negara bagi membolehkan bantuan sewajarnya disalurkan kepada mangsa.

Katanya, pihaknya akan menggunakan penilaian yang diguna pakai negara lain untuk menilai kerugian mangsa bencana alam itu.

"Kita mahu memberi bantuan kepada mangsa banjir dan sedang mengumpul maklumat nilai kerugian dan kerosakan harta benda," katanya selepas taklimat banjir di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah

Muar, di sini semalam.

Taklimat disampaikan Pegawai Daerah Muar, Rahman Jaafar dan Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Mohd Nizar Mohd Ali.

Mengenai situasi banjir di negeri itu, Abdul Ghani berkata, hujan dijangka berterusan sehingga Jumaat ini walaupun ada kawasan yang dilaporkan semakin pulih.

Katanya, setakat ini, banjir sudah melanda hampir keseluruhan negeri itu berikutan taburan hujan luar biasa dan dianggarkan 19,525 orang sudah dipindahkan.

Beliau berkata, kawasan yang paling teruk dilanda banjir ialah Johor Bahru, Kluang serta Muar yang mana lebih ramai dijangka dipindahkan berikutan paras air di sungai utama semakin meningkat walaupun hujan semakin reda.

Katanya, banjir di Segamat sama-

kin kritikal berikutan beberapa kawasan terputus hubungan dan paras air meningkat pantas sehingga menyukarkan operasi memindahkan mangsa.

Di Muar, 7,058 orang daripada 1,603 keluarga dipindahkan ke 46 pusat pemindahan dan jumlah itu dilaporkan terus meningkat.

Kawasan paling teruk terjejas ialah kawasan sekitar Gersik apabila seramai 1,473 orang dipindahkan, di ikuti Lenga (1,357), Serom (1,118), Tangkak (1,072), Jorak (886), Bukit Serampang (632), Bukit Kepong (334), Kundang (147), Sri Menanti (35), Air Hitam (empat).

Turut dipindahkan 266 pelatih Pusat Serenti Bukit Gambir di Sengkang iaitu 247 dipindahkan di Dewan Serbaguna Sengkang, manakala 19 lagi dipindahkan ke Pusat Serenti Tampin, Negeri Sembilan.



HUBUNGAN TERPUTUS: Jalan berhampiran Jambatan Selancar runtuh akibat arus deras Sungai Pukin menyebabkan 30,000 penduduk terputus perhubungan.